

MEF bimbang graduan sukar dapat kerja

KUALA LUMPUR: Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) bimbang tercetus fenomena baru graduan universiti semakin sukar mendapat tawaran kerja selepas tamat mengikuti pengajian pascasiswazah melalui program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua kerana tiada pengalaman bekerja.

Pengarah Eksekutifnya, Shamsuddin Bardan, berkata ini berikutan rata-rata majikan, terutama dalam sektor swasta, lebih cenderung untuk mengutamakan calon memiliki pengalaman bekerja, berbanding graduan berkelulusan tinggi tetapi hanya berpengetahuan dari segi teori.

“Apabila graduan yang menganggur melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD), dikhuatiri akan timbul keadaan yang mana mereka semakin sukar mendapat pekerjaan, kecuali dalam sektor awam yang secara falsafahnya memang lebih gemar melihat kepada aspek taraf kelulusan akademik.

“Pihak graduan sudah pasti jangkakan mereka tinggi dalam mencari kerja supaya setaraf ijazah sarjana atau PhD yang dimiliki,” katanya.